

Ucapan YAB Tun Haji Abdul Razak  
Pemangku Perdana Menteri dan Pengarah Gerakan Di Upacara  
Melancarkan Penubuhan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Kedah, pada 30hb. June, 1970

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama serta kerajaan-kerajaan Negeri Kedah dan Perlis kerana telah memberi kehormatan kepada saya pada pagi ini untuk hadir dalam upacara bagi mengishtiharkan penubuhan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda atau dengan ringkasnya di sebut MADA.

Tuan-tuan sekalian, penubuhan MADA ini adalah satu langkah yang penting dan besar maknanya dalam kemajuan negara kita dan besar maknanya bagi kemajuan negeri Kedah dan Perlis. Rancangan perairan Muda ini adalah satu rancangan yang terbesar sekali yang pernah di adakan oleh Kerajaan Perikatan semenjak kita mencapai kemerdekaan untuk menjayakan penanaman padi dalam kawasan lebih kurang 261,500 ekar dan rancangan ini akan memberi faedah kepada lebih kurang 60 ribu keluarga peladang yang di diharapkan akan dapat menanam padi sekurang-kurangnya dua kali setahun dalam kawasan yang tersebut.

Rancangan ini akan menelan belanja sebanyak \$250 juta, termasuk bantuan wang dari Bank Dunia sebanyak \$138 juta.

Kejayaan rancangan ini sehingga hari ini adalah hasil kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri Kedah dan Perlis serta Kerajaan Pusat. Ampangan-ampangan di Merdu dan Muda telah siap dan air telah mula di keluarkan ke kawasan utara rancangan ini.

Sekarang berbagai-bagailah kemudahan-kemudahan telah mula di bawa ke rancangan ini seperti mengadakan Persatuan-persatuan Peladang, alat pengering padi, rancangan memberi pinjaman wang dan rancangan mengadakan pertolongan barang-barang ternakan dan juga memelihara ikan di tempat-tempat yang tertentu.

Tuan-tuan sekalian, pentadbiran atau rancangan yang besar seperti ini adalah memerlukan bukan sahaja kerjasama yang rapat daripada semua pegawai-pegawai yang bertanggungjawab daripada berbagai-bagai pejabat baik daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri bahkan berkehendakkan kepada satu jentera pentadbiran yang licin yang boleh mengatasi masalah-masalah yang tak dapat tiada timbul daripada satu masa ke satu masa.

Begitu juga tak dapat tiada pada masa kita memulakan rancangan ini ada banyak masalah yang telah timbul. Menjalankan satu-satu rancangan sebesar ini, masalah-masalah tersebut berkehendakkan kepada pentadbiran yang tegas, tegas dan dinamis, setanding dengan atau pun lebih baik daripada apa jua rancangan yang di jalankan di negeri-negeri yang lain.

Dengan sebab itu kita terpaksa mengadakan seorang pegawai yang di namakan "Co-ordinator" untuk hendak menyatukan usaha-usaha daripada pejabat-pejabat yang berkaitan iaitu Pejabat Taliair dan juga Pejabat Pertanian serta juga Kerajaan-kerajaan Negeri Kedah dan Perlis. Dan lagi pada masa penanaman dan juga pekerjaan-pekerjaan yang lain hendak diselenggarakan, mustahaklah kita mengadakan penyeliaan yang sempurna.

Sekarang sudah sampai masanya kita hendak mentadbirkan kawasan perairan ini supaya petani-petani yang ada disini dapat menanam padi dua kali setahun seperti yang kita kehendaki dan kepada mereka diberi bantuan-bantuan dan pertolongan-pertolongan yang dikehendaki dan begitu juga hasil daripada usaha-usaha mereka itu akan dapat dijual dengan harga yang dikehendaki.

Oleh sebab kawasan ini luas dan seperti saya katakan tadi, ada 60,000 kelamin, yang bermakna ada 300,000 ribu orang yang menduduki kawasan ini, maka mustahak dijagai dan ditadbir dengan sempurna dan kehendak-kehendak mereka itu diatasi. Dengan sebab itu, langkah utama yang saya cadangkan dulu ialah mengadakan seorang 'Project Manager' iaitu pegawai yang akan bertanggungjawab bagi menjayakan rancangan ini. Pegawai yang telah di lantik itu ialah Encik Tamin, Pegawai Pertanian Negeri Kedah dan untuk hendak mengelakan pertelingkahan antara Pejabat Pertanian dengan Pejabat Pentadbiran Kawasan ini, Encik Tamin masih lagi menjadi Pegawai Pertanian Negeri Kedah, supaya kedua-dua kerja itu dapat disatukan.

Kemudian daripada itu, saya dapati pekerjaan tidak akan dapat dijalankan dengan licin jikalau pentadbiran kawasan ini dikelolakan di Kuala Lumpur melalui Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama dan mustahaklah kuasa-kuasa pentadbiran kawasan ini diberi kepada satu badan yang bertanggungjawab yang mempunyai ibu pejabatnya di sini. Dengan itu, saya telah memutuskan iaitu mustahak di tubuhkan satu perbadanan atau 'Authority' yang mempunyai seorang Pengerusi daripada Negeri Kedah ini dan perbadanan inilah akan bertanggungjawab bagi menentukan dasar yang dijalankan oleh Pengurus Rancangan ini serta pegawai-pegawainya.

Tuan-tuan sekalian tentu mengetahui bahawa banyak masalah yang akan timbul dari masa kesemasa bukan sahaja masalah penyeliaan ampangan dan juga taliair dan parit-parit dan masalah-masalah menanam, menjemur dan menjual padi tetapi juga masalah-masalah yang dikatakan 'human factors' iaitu perkara-perkara berkaitan dengan pengidupan peladang-peladang dari sehari-kesehari yang mesti diselenggarakan dengan pantas dan segera.

Oleh itu mustahaklah diadakan satu badan yang seperti MADA ini yang bertanggungjawab dengan sepenuhnya bagi menjayakan rancangan perairan Muda ini. Pengerusi dan ahli-ahli MADA mempunyai kuasa-kuasa yang penuh di bawah undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda yang telah pun saya luluskan dan pegawai-pegawai yang berkhidmat termasuk Pengurus Rancangan ini mempunyai kuasa-kuasa yang ditetapkan dan pada mereka itulah bergantungnya kejayaan rancangan ini. Saya mempunyai kepercayaan yang penuh bahawa Lembaga ini dapat menjalankan tugasnya dengan memberi kesan kepada pelaksanaan Rancangan Perairan Muda ini.

Matlamat yang mustahak dicapai dalam rancangan ini ialah membawa kepada satu perubahan sikap, bukan sahaja dari segi petani-petani di dalam rancangan ini tetapi juga kepada orang-orang lain seperti ahli-ahli penyelidikan, pegawai-pegawai perkembangan, kakitangan-kakitangan Kerajaan, ahli-ahli perniagaan dan sebagainya. Sebagaimana tuan-tuan sedia maklum, kemajuan pertanian adalah sebenarnya hasil sosial, bukannya semata-mata hasil dari pekerjaan-pekerjaan dan kegiatan-kegiatan peladang, keluarga-keluarga peladang, ahli-ahli majlis mesyuarat, saudagar-saudagar, ahli-ahli perindustrian, ahli-ahli penyelidikan dan tiap-tiap seorang yang turut terlibat dalam kemajuan masyarakat.

Disinilah letaknya peranan Lembaga yang telah di tubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan Rancangan Perairan Muda ini, terutama sekali dari segi "socio-economic" supaya kemajuan yang dicapai akan melibatkan seluruh perkhidmatan dari pihak-pihak yang tertentu. Dengan lebih tepat lagi, satu dari tujuan-tujuan pihak Lembaga ini ialah mengadakan dan menyegerakan perkhidmatan-perkhidmatan perlu yang berhubung dengan pertanian dan kemajuan sosial di kalangan peladang-peladang. Saya sudah memberi kuasa yang penuh kepada Lembaga ini untuk merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan tersebut dengan kerjasama yang rapi dari pihak-pihak Jabatan-jabatan Kerajaan, Perbadanan, Badan-badan Berniaga dan lain-lain anggota yang serupa bagi mencapai kemajuan yang sama.

Tuan-tuan sekalian, saya selalu terangkan pada mula kita melancarkan rancangan pembangunan negara dan luar bandar bahawa perkara yang pertama yang kita mesti sediakan sebelum kita melancarkan

rancangan-rancangan ialah jentera pentadbiran dan kemudian daripada itu kita mesti ada rancangan pekerjaan atau 'programme of work'. Kalau tidak ada kedua-dua perkara ini perjalanan kita tidak akan sempurna dan tidak akan berjaya. Kita dapati dalam beberapa tahun yang lalu ada masalah-masalah yang timbul berkenaan dengan rancangan ini yang tidak dapat diselesaikan dengan segera dan begitu juga rancangan kita adalah terlewat daripada sebenarnya yang kita jangkai. Kita mesti sedia 'programme of work' atau rancangan bekerja yang boleh menjadi panduan kepada kita yang kita mesti patuh dan jalankan dari sehari kesehari.

Sekarang menurut arahan saya sendiri, semua telah sedia. Jadi terpulanglah kepada mereka-mereka yang bertanggungjawab bagi menjalankan perkara ini dengan sempurna dan jaya. Saya selalu sebutkan yang kita kehendaki daripada pegawai-pegawai ialah kehasilan kejayaan dan pegawai-pegawai sendiri tahu kalau ada jentera yang baik dan licin, ada 'co-ordination' yang cukup antara semua pihak dan mereka tahu kuasa-kuasa yang ada di tangan mereka maka senanglah mereka menjalankan tugas-tugas mereka itu.

Begitu jugalah kita mustahak menjalankan pekerjaan kita mengikut "peringkat". Menurut rancangan kerja bagi pegawai-pegawai pekerjaan kita boleh di bahagikan kepada 5 peringkat. Peringkat pertama, bulan Februari 1970, kita anggar dapat mengadakan air kekawasan seluas 100,000 ekar. Peringkat kedua, bulan Julai, 1970, kekawasan seluas 130,000 ekar; peringkat ketiga, bulan Julai, 1971, seluas 180,000 ekar, peringkat keempat, bulan Julai, 1972, seluas 230,000 ekar dan peringkat kelima, bulan Julai, 1973, seluas 250,000 ekar.

Inilah rancangan kerja kita dan untuk melaksanakan rancangan ini mustahak kita sediakan perkara-perkara yang lain iaitu persiapan-persiapan yang lain seperti tractors, dryers, fertilisers, benih-benih dan semua sekali perkara-perkara yang bersangkutan untuk hendak membolehkan peladang-peladang bertanam dua kali setahun dengan sempurna dan selepas bertanam, hasil-hasil tanaman mereka itu dapat dijual dengan sempurna dan dapat harga yang sempurna.

Tuan-tuan sekalian, seperti saya katakan tadi, masalah ada banyak yang akan dihadapi sebab rancangan yang sebesar ini belum pernah kita selenggarakan. Jadi, kita tidak boleh mengatakan yang perkara ini kecil yang boleh dijalankan mengikut cara-cara dulu, cara-cara yang lampau. Kita mustahak menjalankan pekerjaan-perkerjaan ini menurut cara yang baru, yang sesuai dengan besarnya rancangan ini dan mustahak mengadakan jentera pentadbiran yang boleh menyelenggarakan rancangan yang begini besar dengan sempurna dan jaya.

Kita telah dapat nama yang harum di seluruh dunia dalam cara kita melaksanakan rancangan pembangunan kita. Kita telah dapat mengadakan satu teknik pelaksanaan yang dinamakan 'teknik bilik gerakan' yang ditiru dan diketahui oleh beberapa negeri di dunia ini. Jadi saya harap teknik atau cara-cara itu boleh dijalankan oleh Lembaga ini iaitu diadakan bilik-bilik gerakan dan pegawai-pegawai yang berkaitan mustahak bermesyuarat sekurang-kurangnya seminggu sekali atau pun seminggu dua kali atau pun bila-bila masa dikehendaki supaya masalah-masalah yang akan timbul dari sehari kesehari dapat di selesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Begitu jugalah jika ada masalah-masalah yang lain, umpamanya, berkaitan dengan 'land tenure' dan juga perkara-perkara yang lain yang timbul yang boleh menolong peladang-peladang dan petani-petani untuk mendapat hasil yang penuh daripada usaha-usaha mereka itu, mustahaklah diselesaikan dan di atasi.

Tuan-tuan sekalian, tujuan kita ialah hendak menolong peladang-peladang dan petani-petani supaya mereka itu dapat melipatgandakan pendapatan mereka itu. Dengan sebab itu kita mesti menggunakan sepenuh tenaga dan usaha kita bagi mencapai cita-ciat kita itu. Kita mesti menjaga supaya usaha mereka itu

tidak dipermainkan oleh mana-mana pihak dan mereka itu mendapat hasil yang sepenuhnya daripada titik peluh mereka sendiri. Begitu juga bagi pihak petani-petani mesti berani menghadapi cabaran di hadapan mereka, menukar sikap dan bersabar menghadapi usaha-usaha mereka.

Kepada Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga ini serta pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, saya suka menyeru bahawa kejayaan pekerjaan tuan-tuan adalah bergantung kepada kehasilan yang boleh di capai oleh tiap-tiap orang peladang dan petani di kawasan ini.

Inilah ukuran yang sebenarnya dan inilah tujuan kita yang muktamad. Dan untuk mencapai tujuan kita itu, saya berharap tuan-tuan semua akan menjalankan tugas masing-masing dengan jujur dan ikhlas dan dengan penuh taat setia.

Dengan harapan itu, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan dengan resmi penubuhan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda atau MADA ini.

Terima kasih.